

KERTAS MODEL SPM

KERTAS 1

Satu jam

Arah: Tiap-tiap soalan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan, iaitu A, B, C dan D. Pilihlah satu jawapan yang paling sesuai.

- 1 Gambar 1 berkaitan dengan sistem tulisan masyarakat tamadun awal dunia.



Gambar 1

Apakah kepentingan tulisan tersebut?

- A Melicinkan urusan pentadbiran
- B Mengembangkan daya imajinasi
- C Meningkatkan produktiviti perternakan
- D Membuktikan kewujudan golongan artisan

2 Apakah keistimewaan pelabuhan Memphis dan Thebes sehingga menarik ramai pedagang ke sini?

- A Kedudukannya yang strategik
- B Sistem pentadbiran yang terancang
- C Pengenalan mata wang dalam urus niaga
- D Terlindung daripada tiupan angin monsun

3 Apakah agama yang boleh dikaitkan dengan Candi Borobudur?

- A Agama Hindu
- B Agama Buddha
- C Ajaran Jainisme
- D Ajaran Confucius


- 4 Tokoh-tokoh berikut memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat dunia.

Tamadun	Tokoh
Tamadun Rom	Maharaja Justinian
Tamadun India	Asoka
Tamadun China	Han Fei Tzu

Apakah persamaan antara tokoh-tokoh tersebut?

- A Mengasaskan sistem perintahan yang mantap
- B Memberi sumbangan peningkatan pendidikan
- C Memperkenalkan ilmu falsafah hidup
- D Mempelopori bidang perundungan

- 5 Gambar 2 merujuk ikatan kolar kuda di China.



Gambar 2

Apakah kelebihan ikatan kolar kuda tersebut?

- A Tidak mudah terputus
- B Tidak mencekik kuda tersebut
- C Tidak melibatkan masa yang lama
- D Tidak menggunakan kos yang tinggi

- 6 Mengapa manik merupakan artifak perdagangan yang penting di tamadun awal Asia Tenggara?

- I Ubat III Perhiasan
- II Senjata IV Lambang status
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

- 7 Apakah kesimpulan yang dapat dikaitkan dengan sistem kabilah dalam masyarakat Arab Jahiliah berikut?

- A Mewujudkan perpaduan
- B Mencetuskan perperangan
- C Mengexploitasi orang miskin
- D Mengamalkan perbuatan tidak bermoral

- 8 Mengapa usaha penyebaran Islam ke Taif, Habsyah dan Madinah?

- A Penduduk tempatan menerima Islam
- B Menghapuskan perbuatan tidak bermoral
- C Kesukaran menjalankan aktiviti ekonomi
- D Penentangan berterusan orang Arab Quraisy

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan Piagam Madinah.

Aspek	Kandungan
Ekonomi	Unsur penipuan dan riba dihapuskan dalam sistem perniagaan

Apakah kesan daripada peraturan tersebut?

- A Perebutan peluang ekonomi
- B Diskriminasi dapat dielakkan
- C Peningkatan golongan perdagang
- D Ketidakpuasan hati di kalangan kaum Yahudi


- 10** Maklumat berikut berkaitan dengan kaedah yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW.

- Warkah
- Diplomasi
- Tidak memaksa memeluk Islam

Mengapakah Nabi Muhammad SAW menggunakan kaedah tersebut?

- A Peperangan
- B Penyebaran Islam
- C Pembukaan semula kota Makkah
- D Perletakan semula Hajarul Aswad

- 11** Institusi berikut telah ditubuhkan setelah kedatangan Islam ke Asia Tenggara.



Apakah kesan penubuhan institusi tersebut?

- A Menyemai semangat persaudaraan
- B Memantapkan sistem pemerintahan
- C Mengukuhkan adat tradisi tempatan
- D Menanam sikap mementingkan ilmu

- 12** Apakah kepentingan proses syura dan baiah?

- A Melantik pemimpin yang berkelayakan
- B Mengelakkan salah kuasa oleh pemimpin
- C Mewujudkan keadilan dalam pemerintahan
- D Mengukuhkan taat setia rakyat kepada pemimpin

- 13** Apakah sumbangan Istanbul terhadap perkembangan ekonomi kerajaan Turki Uthmaniyyah?

- A Pusat pertanian moden
- B Pusat kegiatan ekonomi
- C Pusat pertembungan ilmu
- D Pusat pertemuan dalam jalinan perdagangan

- 14** Maklumat berikut berkaitan penyebaran Islam di Asia Tenggara.

- Penemuan batu nisan di Permatang Pasir, Pekan, Pahang
- Penemuan Batu Bersurat di Kuala Berang, Terengganu

Bukti tersebut dapat dikaitkan dengan

- A Islam dari Arab
- B Islam dari India
- C Islam dari China
- D Islam dari Aceh

- 15** Kemasukan imigran dari China dan India ke Negeri-Negeri Melayu Bersekutu semakin bertambah pada awal abad ke-20. Apakah kesan kepada situasi di Tanah Melayu?

- A Pembukaan ladang getah
- B Kewujudan perpaduan nasional
- C Kewujudan masyarakat majmuk
- D Perkembangan industri perlombongan

- 16** Apakah kebaikan cerita rakyat dalam masyarakat Melayu?

- A Meningkatkan pengetahuan
- B Meningkatkan kerjasama
- C Memberi pengajaran
- D Memberi hiburan

- 17** Mengapakah pihak pemerintah Melaka mengenakan cukai terhadap kegiatan perdagangan?

- A Pengharaman riba
- B Sumber pendapatan kerajaan
- C Kawalan ke atas sistem timbang
- D Kemajuan aktiviti perdagangan

- 18** Jadual berikut berkaitan dengan penciptaan mesin di England.

Tahun	1770
Tokoh	John Hargreaves
Mesin yang dicipta	Spinning Jenny

Apakah fungsi mesin tersebut?

- A Melebur besi
- B Mengepam air
- C Menjana kuasa
- D Memintal benang

- 19** Imperialis Barat telah memperkenalkan Sistem Birokrasi Barat di Asia Tenggara.

Apakah ciri-ciri umum Sistem Birokrasi Barat?

- I Pengenalan undang-undang Barat
- II Perlaksanaan pentadbiran melalui biro
- III Perlantikan Gabenor sebagai ketua pentadbir
- IV Perlantikan pegawai tempatan sebagai ketua biro
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

- 20** Pergerakan Luddite telah wujud di Britain pada awal abad ke-19. Mengapakah timbulnya pergerakan tersebut?

- A Menuntut kenaikan gaji
- B Membela nasib pekerja kilang
- C Menentang penggunaan mesin
- D Membantah majikan yang zalim

- 21** Jadual 1 berkaitan bilangan sekolah rendah mengikut aliran dalam sistem pendidikan vernakular di Tanah Melayu pada tahun 1938.

Aliran	Sekolah	Pelajar	Guru
Melayu	788	56904	2810
Inggeris	271	41917	2350
Cina	996	86147	3556
Tamil	607	26271	864

Jadual 1

Apakah muslihat British melaksanakan sistem tersebut?

- A Menyukarkan usaha perpaduan kaum
- B Menaik taraf kehidupan rakyat
- C Memajukan sistem pendidikan
- D Meningkatkan perbelanjaan pendidikan

- 22** Mengapakah Revolusi Perindustrian yang tercusus di Eropah telah menyebabkan imperialisme Barat di Asia?

- A Tenaga mahir yang ramai
- B Penyebaran agama Kristian
- C Kepentingan perdagangan rempah
- D Keperluan terhadap bahan mentah

- 23** Apakah tindakan Sultan Muhammad II bagi mengukuhkan kewibawaan baginda di Kelantan?
- Memperkenalkan sistem monarki
 - Menggubal undang-undang negeri
 - Membentuk Sistem Jemaah Menteri
 - Menjalin hubungan baik dengan Siam
- 24** Pasukan Force 136 ditubuhkan dalam kalangan orang Melayu. Mengapakah pasukan tersebut ditubuhkan?
- Menentang Jepun
 - Menentang MPAJA
 - Membantu Bintang Tiga
 - Menjaga kepentingan British
- 25** Senarai berikut berkaitan dengan karya sastera di Asia Tenggara.
- | Karya Sastera |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • <i>Noli Me Tangere</i> • <i>Ke Makam Bonda</i> • <i>Putera Gunung Tahan</i> |
- Apakah sumbangan karya tersebut?
- Melahirkan golongan intelek
 - Menjadi propaganda penjajah
 - Membangkitkan nasionalisme
 - Memajukan bidang bahasa tempatan
- 26** Maklumat berikut berkaitan perubahan jawatan Tok Janggut di Kelantan.
- | Tahun | Peristiwa |
|-------|-------------------|
| 1910 | Pemimpin tempatan |
| 1915 | Perdana Menteri |
- Apakah peristiwa yang menyebabkan perubahan jawatan tersebut?
- Penawanian Pasir Puteh
 - Perluasan kuasa British
 - Pengunduran tentera Siam
 - Pembunuhan Penasihat British
- 27** Sistem pemerintahan Johor, Pahang dan Perak adalah mewarisi sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Apakah bukti untuk menyokong pernyataan tersebut?
- Pengenalan sistem raja berperlembagaan
 - Sistem demokrasi dilaksanakan
 - Penggunaan gelaran sultan
 - Sistem pewarisan takhta
- I dan II
 - II dan III
 - I dan IV
 - III dan IV
- 28** Maklumat berikut berkaitan ciri-ciri Perjanjian Malayan Union 1946
- | Kerakyatan Malayan Union |
|---|
| Apakah kesan ciri tersebut terhadap orang Melayu? |
- Mencampuri adat istiadat penduduk tempatan
 - Menjejasikan status quo orang Melayu
 - Menghalang perpaduan kaum
 - Mengubah sempadan negeri
- 29** Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 merupakan kejayaan pada orang Melayu. Apakah maksud pernyataan tersebut?
- Hak istimewa orang Melayu dipulihkan
 - Pendapat orang Melayu mula diambil kira
 - British gagal untuk mentadbir Tanah Melayu
 - Pentadbiran diserahkan kepada pembesar tempatan
- 30** Apakah sumbangan Sistem Ahli?
- Perluasan kuasa
 - Kedaulatan negara
 - Kebebasan bersuara
 - Pengalaman mentadbir
- 31** Maklumat berikut berkaitan dengan Persidangan Kebangsaan.
- | Tahun | Peristiwa |
|---------------|----------------------------------|
| Februari 1953 | Penubuhan Persidangan Kebangsaan |
- Apakah tujuan penubuhan persidangan tersebut?
- A** Mencapai kerjasama politik bagi memupuk perpaduan
- B** Meningkatkan taraf ekonomi penduduk Tanah Melayu
- C** Mendapatkan sokongan daripada penduduk Tanah Melayu
- D** Memupuk kerjasama sosial bagi meningkatkan taraf hidup
- 32** Apakah kaitan tokoh-tokoh berikut?
- X →

 - Lord Reid
 - Sir Ivor Jennings
 - Sir William McKell
 - Tuan B. Malik
 - Tuan Abdul Hamid
- Apakah X?
- Sistem Ahli
 - Pakatan Murni
 - Suruhanjaya Reid
 - Jawatankuasa Antara Kaum
- 33** Mengapakah kerajaan Singapura bimbang dengan kemenangan? Barisan Sosialis dalam pilihan raya Hong Lim?
- Mengukuhkan kedudukan British
 - Menggugat rancangan kemerdekaan
 - Memecahbelahkan perpaduan rakyat
 - Melambatkan penyertaan dalam Malaysia
- 34** Dialog berikut berkaitan dengan tuntutan rakyat Sarawak dan Sabah.
- | Tokoh A: | Tokoh B: | Tokoh C: |
|---|---|-----------------------------------|
| Kita perlu menuntut kuasa mengawal hal imigresen. | Kita juga perlu mengawal perkhidmatan awam. | Tuntutan ini perlu disegegerakan. |
- Apakah kesan dialog tersebut?
- Pembentukan Malaysia 1963
 - Penubuhan Suruhanjaya Reid
 - Penubuhan Suruhanjaya Cobbold
 - Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

- 35 Mengapa Perkara 153 Perlembagaan Malaysia digubal?
 A Menjamin taat setia rakyat
 B Menjamin hak asasi manusia
 C Mengelakkan kestabilan negara
 D Memelihara kedudukan orang Melayu
- 36 Antara berikut, yang manakah pengubal dasar kerajaan?
 A Badan Perundangan
 B Badan Kehakiman
 C Badan Pelaksana
 D Majlis Raja-Raja
- 37 Pada tahun 1957, Encik Roslan ingin mengusahakan tanaman ubi secara kecil-kecilan, tetapi kekurangan modal.
 Berdasarkan pernyataan tersebut, apakah agensi kerajaan yang boleh membantu Encik Roslan?
 A Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
 B Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)
 C Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
 D Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI)
- 38 Pernyataan berikut berkaitan program kerajaan.
 Kajian Dasar Perindustrian Malaysia diperkenalkan pada tahun 1983.
- Apakah keputusan daripada Kajian Dasar Perindustrian Malaysia?
 A Kelemahan dalam struktur perindustrian negara
 B Kelebihan guna tenaga kerja dalam perindustrian negara
 C Kelemahan dalam struktur organisasi perindustrian negara
 D Kekurangan tenaga kerja mahir dalam perindustrian negara
- 39 Archduke Franz Ferdinand yang merupakan pewaris takhta Austria-Hungary dan isterinya telah dibunuh pada 28 Jun 1914 oleh seorang pengganas Serbia.
 Apakah kesan peristiwa tersebut?
 A Perang Dunia Pertama
 B Perang Dunia Kedua
 C Penubuhan Liga Bangsa
 D Pembentukan Perikatan Kuasa Tengah
- 40 Peta berikut menunjukkan kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC).
-

KERTAS 2

Dua jam tiga puluh minit

Bahagian A: Soalan Struktur

[40 markah]

Jawab semua soalan.

1 Tamadun China banyak memberi sumbangan dalam ekonomi khasnya dalam bidang pertanian.

(a) Nyatakan **dua** sumbangan Tamadun China dalam bidang pertanian.

i. _____ ii. _____ [2 markah]

(b) Apakah faktor yang mempengaruhi kegiatan pertanian tamadun tersebut?

_____ [2 markah]

(c) Wajarkah Malaysia menjadikan pertanian sebagai kegiatan ekonomi untuk memajukan negara kita?
 Beri penjelasan anda.

_____ [3 markah]

- (d) Ramalkan keadaan negara sekiranya masyarakat tidak mementingkan sektor pertanian.
-
-

[3 markah]

- 2 Pembentukan kerajaan Islam di Madinah pada tahun 622 M telah memperkuuhkan strategi menyebarluaskan Islam oleh Nabi Muhammad SAW.

- (a) Bagaimanakah penyebaran Islam dari Madinah dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW?
-
-

[2 markah]

- (b) Mengikut ajaran Islam, perang tidak dibenarkan kecuali tujuan tertentu.
Apakah tujuan tersebut?
-
-

[2 markah]

- (c) Orientalis Barat menganggap agama Islam tersebar melalui cara perang.
Mengapa berlakunya anggapan sedemikian?
-
-

[3 markah]

- (d) Bagaimanakah dakwah Islamiah dapat dilakukan secara berkesan pada zaman era globalisasi ini?
-
-

[3 markah]

- 3 Gerakan nasionalisme di Thailand berbeza dengan negara-negara Asia Tenggara yang lain.

- (a) Mengapakah gerakan tersebut berbeza?
-
-

[2 markah]

- (b) Senaraikan **dua** tokoh nasionalisme di Thailand.

i. _____ ii. _____

[2 markah]

- (c) Mengapakah Thailand berjaya mengekalkan kemerdekaannya?
Beri penjelasan anda.
-
-

[3 markah]

- (d) Negara kita pernah mengalami imperialisme di bawah kuasa Portugal, Belanda, Britain dan Jepun.
Bagaimanakah usaha anda untuk mengelakkan negara mengalami imperialisme semula?
-
-

[3 markah]

- 4 Rajah berikut adalah tokoh yang terlibat dalam pembinaan negara dan bangsa di Eropah.

Tokoh	Negara
X	Itali
Y	Jerman

- (a) Siapakah tokoh X dan Y?

X: _____ Y: _____ [2 markah]

- (b) Bagaimanakah tokoh X dan Y membentuk negara bangsa masing-masing?

X: _____ [2 markah]

Y: _____ [2 markah]

- (c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, jelaskan faktor yang menyebabkan terbentuknya negara bangsa moden di Eropah pada penghujung abad ke-19.

_____ [2 markah]

- (d) Mengapakah usaha untuk membentuk negara bangsa dalam soalan 4 (a) boleh menggugat keharmonian dunia?

_____ [2 markah]

Bahagian B: Soalan Esei

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

- 5 Keperibadian Nabi Muhammad SAW merupakan peribadi yang sempurna dan terpuji.

- (a) Terangkan empat sifat-sifat terpuji yang utama Nabi Muhammad SAW. [4 markah]

- (b) Nabi Muhammad SAW merupakan seorang tokoh pemimpin yang unggul.
Beri penjelasan anda. [8 markah]

- (c) Apakah kebaikan yang akan anda peroleh jika anda mengamalkan sifat terpuji seperti Nabi Muhammad SAW? [8 markah]

- 6 Kerajaan Melaka telah menjadi pusat perdagangan penting sejak abad ke-15 yang mendorong perkembangan mata wang dan percukaian di Tanah Melayu.

- (a) Jelaskan faktor perkembangan kerajaan Melaka tersebut. [6 markah]

- (b) Sejauh manakah penggunaan mata wang yang bercirikan Islam di Tanah Melayu? [4 markah]

- (c) Bagaimanakah sistem percukaian dilaksanakan di kerajaan Melayu Melaka? [4 markah]

- (d) Pihak kerajaan menguatkusakan cukai GST mulai bulan April 2015.
Apakah kepentingan cukai GST kepada negara? [6 markah]


- 7 Revolusi Perindustrian di England telah membawa kepada permintaan yang tinggi terhadap tanaman getah.

- (a) Mengapakah berlaku perkembangan perusahaan getah di Tanah Melayu? [6 markah]

- (b) Bagaimanakah tindakan kerajaan meningkatkan semula perusahaan getah setelah mengalami kemerosotan pada awal abad ke-19? [4 markah]
- (c) Apakah tipu muslihat British tidak melibatkan orang Melayu dalam penanaman getah? [6 markah]
- (d) Apakah langkah untuk meningkatkan semula perusahaan getah di Malaysia?
Beri penjelasan anda. [4 markah]

8 Suruhanjaya Reid dan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 merupakan usaha ke arah kemerdekaan negara.

- (a) Mengapa Suruhanjaya Reid ditubuhkan? [4 markah]
- (b) Jelaskan kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957. [8 markah]
- (c) Gambar berikut merujuk kepada laungan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.



Berdasarkan gambar tersebut, apakah kepentingannya kepada penduduk Malaysia hari ini? [8 markah]

9 Pada 16 September 1963, negara Malaysia ditubuhkan secara rasminya merangkumi Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Hari itu dikenal sebagai Hari Malaysia.

- (a) Jelaskan konsep Hari Malaysia. [2 markah]
- (b) Bagaimanakah usaha pemimpin untuk merealisasikan pembentukan Malaysia? [6 markah]
- (c) Sifat kepimpinan yang terdapat pada pemimpin di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak pada masa itu banyak membantu ke arah pembentukan negara Malaysia 1963.
Beri ulasan anda. [6 markah]
- (d) Sejauh manakah pembentukan Malaysia memberi manfaat kepada kemajuan negara kita hari ini? [6 markah]

10 Rajah berikut menunjukkan Jata Negara.



- (a) Jelaskan tafsiran lambang-lambang pada Jata Negara. [6 markah]
- (b) Mengapa lambang negara penting dan perlu dihormati serta dipelihara? [4 markah]

- (c) Sebagai warganegara, adakah anda berasa bangga apabila melihat lambang negara kita?
Beri ulasan anda. [6 markah]
- (d) Bagaimanakah murid-murid alaf 21 dapat menghayati lambang-lambang negara? [4 markah]
- 11 Malaysia telah melaksanakan hubungan luar dengan negara-negara lain sejak sebelum merdeka hingga kini.
- (a) Jelaskan bentuk hubungan luar Malaysia. [4 markah]
- (b) Terangkan faktor asas yang mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia. [8 markah]
- (c) Mampukah dasar hubungan luar Malaysia meningkatkan kemajuan dan pembangunan negara?
Beri penjelasan anda. [8 markah]

KERTAS 3

Satu jam

TEMA UMUM: Pembangunan dan Perpaduan untuk Kesejahteraan

TUGASAN SPESIFIK

Perpaduan rakyat Malaysia menjadi tunjang utama ke arah Wawasan 2020 yang dapat direalisasikan melalui pemantapan dan pengamalan pembangunan sosial sejak merdeka hingga hari ini.

Berdasarkan pernyataan di atas, anda dikehendaki menjawab soalan/tugasan berikut:

Aspek	Soalan/tugasan	Markah
Pengenalan	1 Jelaskan pembangunan sosial untuk perpaduan di Malaysia.	5 markah
Isi dan Huraian	2 Huraikan usaha-usaha mewujudkan perpaduan di Malaysia melalui dasar berikut: (a) Bahasa (b) Kebudayaan (c) Sukan	10 markah 5 markah 5 markah
	3 Huraikan kejayaan pemupukan perpaduan melalui dasar pendidikan.	20 markah
	4 Perpaduan antara kaum perlu dihayati dan diamalkan di Malaysia. Hujah pernyataan tersebut.	10 markah
	5 Perpaduan penting mengukuhkan kerjasama pelbagai pihak dalam memajukan negara. Beri penjelasan.	10 markah
	6 Apakah rintangan untuk mengukuhkan perpaduan masa kini? Beri penjelasan.	10 markah
	7 Apakah langkah-langkah untuk mengekalkan penghayatan dan pengamalan perpaduan oleh warga Malaysia hari ini?	10 markah
	8 Apakah iktibar yang diperoleh daripada pembangunan sosial di Malaysia? Beri penjelasan.	10 markah
Kesimpulan	9 Sediakan kesimpulan berdasarkan perkara berikut: (a) Pengetahuan yang diperoleh. (b) Nilai patriotisme yang diperoleh melalui pembangunan sosial di Malaysia. (c) Harapan untuk menjadikan negara dan bangsa Malaysia kekal unggul di mata dunia.	5 markah